

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan
Sharif Ali

MOU TINGKATKAN KERJASAMA BIDANG AKADEMIK, PENYELIDIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universitas Muhammadiyah Tangerang (UMT) Indonesia secara maya melalui platform persidangan video, baru-baru ini.

Penandatanganan MoU disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak UMT ditandatangani oleh MPd, Rektor Universiti, Dr. H. Ahmad Amarullah.

Antara tujuan penandatanganan ini dibuat adalah untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, penganjuran seminar dan forum serta pertukaran pelajar dan tenaga pakar universiti masing-masing.

Dalam ucapan alu-aluan Rektor UNISSA menyatakan bahawa penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini tidak menghalang UNISSA untuk terus mengembangkan kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi di luar negara. Malah cabaran ini membuka ruang lagi untuk UNISSA dapat berinteraksi melalui platform secara maya.

Rektor UMT dalam ucapannya



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali ketika mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universitas Muhammadiyah Tangerang Indonesia secara maya melalui platform persidangan video.

bahawa dengan penandatanganan MoU ini maka perancangan untuk mengimplementasikan apa jua program-program kerjasama antara UMT dan UNISSA terutama daripada aspek pendidikan, penyelidikan, pengabdian kepada masyarakat dan pengembangan nilai-nilai Islam yang menjadi ruang lingkup kerjasama yang perlu direalisasikan.

Majlis diteruskan lagi dengan acara pembentangan Webinar

Internasional Pendidikan Islam Magister Pendidikan Agama Islam UMT dengan bertemakan, 'Menggagas Kembali Pendidikan Islam Perspektif Al-Quran Di Era Globalisasi'.

Pembentang Kertas Kerja melibatkan pensyarah daripada UNISSA iaitu Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dan Pensyarah Fakulti Usuluddin, Professor Dr. Fathuddin

Beyanouni.

Sementara bagi pihak UMT pula Kertas Kerja telah dibentangkan oleh Direktur Pascasarjana, Dr. H.

Priyo Susilo, MM; Pensyarah UMT, H. Muhammad Firdaus, Lc, MA, PhD. dan Alumni Doktor Falsafah UNISSA.

Infaq tanam rasa keinsafan diri




PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman, menyerahkan mushaf kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas), manakala gambar kanan, Infaq Mushaf Al-Quran sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Perkhidmatan Awam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Julai. - Islam sebagai agama yang berpaksaan pada ilmu, sangat menggalakkan manusia sentiasa mempelajari dan mengembangkan setiap ilmu yang dimanfaatkan juga dilaratkan kepada orang lain.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Infaq Mushaf Al-Quran sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), diadakan di Aras 12, Dewan Serbaguna, Bangunan JPA.

Pada majlis tersebut,

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman



Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman, menyerahkan sebanyak 302 naskhah mushaf kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Infaq Mushaf Al-Quran tersebut, bukan sahaja dibukakan kepada warga JPA, tetapi juga dibukakan kepada ahli keluarga warga JPA bagi memperbanyakkan amal jariah melalui usaha bersedekah dan memperoleh keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam harta yang dimiliki.

Di samping itu, ia juga dapat menanam rasa keinsafan kepada diri dan rasa tanggungjawab juga belas kasihan kepada para mahasiswa UNISSA untuk menjadikan dan membaca Al-Quran sebagai amalan harian juga rujukan dalam pembelajaran mereka.

Diharap dengan adanya mushaf-mushaf ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya sampai bila-bila, kerana pada hakikatnya, Al-Quran diturunkan sebagai panduan untuk kejayaan umat Islam di dunia dan akhirat.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Pastikan peralatan elektrik tepati piawaian

>> Muka 8

Daripada sudut penguatkuasaan, Kementerian Tenaga akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang relevan dalam memastikan semua kriteria-kriteria teknikal bagi semua barangan elektrik yang masuk melalui semua pos-pos kawalan adalah memenuhi piawaian teknikal yang telah pun ditetapkan di bawah rang undang-undang ini; membuat pemeriksaan lanjutan serta lawatan ataupun pemeriksaan secara berkala (*unscheduled inspection*) di semua pos-pos kawalan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan semua premis-premis perniagaan di seluruh negara bagi memastikan semua prosedur penguatkuasaan ke atas barangan elektrik di bawah kawalan rang undang-undang ini berjalan secara teratur dan berkesan.

Pengiran Haji Jamra Weira seterusnya berkata, rang undang-undang ini akan memasuki fasa kedua iaitu bagi tempoh tangguh (*grace period*) selama satu tahun bermula pada 14 Jun 2021 hingga 13 Jun 2022.

Di sepanjang tempoh tangguh berkenaan, Kementerian Tenaga jelasnya akan mengemukakan beberapa aktiviti utama termasuk sesi jerayawara di keempat-empat daerah di seluruh negara, sesi konsultasi bersama dengan beberapa agensi yang berkepentingan termasuk pihak pembekal dan program latihan bagi pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi urusan penguatkuasaan.

Sebarang perkembangan mengenainya akan dimaklumkan kepada pihak yang berkepentingan melalui saluran rasmi yang bersesuaian. "Penguatkuasaan penuh bagi rang undang-undang ini, insyaaAllah, akan bermula pada 14 Jun 2022 iaitu setahun selepas tempoh tangguh selesai dilaksanakan," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Tenaga Lestari, Kementerian Tenaga, Awang Abdul Salam bin Haji Abdul Wahab berkata, kajian pasaran yang dilaksanakan beberapa tahun lalu untuk melihat peralatan elektrik mana yang paling tinggi daripada sudut penggunaannya mendapati bahawa alat penyaman udara adalah yang tertinggi melebihi 60 peratus di seluruh negara diikuti dengan peti sejuk dan sistem lampu.

Jelasnya, setelah membuat penilaian dan kajian pasaran beberapa tahun yang lalu, didapati bahawa minima kecekapan bagi alat penyaman udara di negara ini adalah terlalu rendah ataupun tidak begitu cekap atau efisien iaitu COP hanyalah pada 2.6 sahaja.

Daripada perbincangan bersama dengan pengusaha dan juga mengambil kira daripada nasihat pakar-pakar luar negara tambahnya, Kementerian Tenaga membuat ketetapan supaya tahap kecekapan bagi penyaman udara di tahap 2.9.

"Ini bererti semua barangan elektrik seperti penyaman udara yang dibawa masuk ke NBD tidak lagi di bawah 2.9 COP kerana minima COP mestilah 2.9 ke atas," ujar beliau.

Awang Abdul Salam turut menyatakan, seperti yang dimaklumi bahawa setiap peralatan elektrik yang mempunyai tahap kecekapan yang tinggi adalah mempunyai harga yang tinggi.

Walau bagaimanapun jelasnya, pihak Kementerian Tenaga telah pun membuat perbincangan bersama agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk memastikan bahawa harga tersebut akan menurun mengikut peredaran masa.

Dalam hubungan ini orang ramai juga dipohon untuk memberikan sokongan untuk membeli barangan yang lebih cekap kerana dengan permintaan yang tinggi, barang-barang tersebut dijangka akan menurun mengikut kesesuaian masa, jelasnya.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut ialah Pengarah Bahagian Perundangan dan Pematuhan, Kementerian Tenaga, Mohammad Nizam bin Haji Ismi serta pegawai-pegawai dari Kementerian Tenaga.